

FAKULTI EKONOMI DAN PENGURUSAN • FACULTY OF ECONOMICS AND MANAGEMENT

Rujukan: UKM(S)FEP.100-1/5/2
Tarikh: 21 Oktober 2020

Semua Staf

Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof./Datin/Tuan/Puan,

PENGUMUMAN DEKAN BIL. 11/2020 - ARAHAN KEHADIRAN WARGA UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

Dengan segala hormatnya Pekeling Naib Canselor Bil. 10/2020 bertarikh 21 Oktober 2020 adalah dirujuk.

Sehubungan itu, selaras dengan pelaksanaan dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bagi Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan (14 Oktober hingga 27 Oktober 2020), keputusan Persidangan Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 20 Oktober 2020 dan surat Arahan Ketua Perkhidmatan Awam bertarikh 21 Oktober 2020 – bermula **22 Oktober 2020 sehingga PKPB tamat**, semua Ketua Pusat Tanggungjawab hendaklah memastikan keberadaan staf di PTi masing-masing pada tahap **maksimum 30 peratus (30%)**, dengan ini pihak pengurusan fakulti bersetuju pelaksanaan PKPB di peringkat fakulti adalah seperti berikut:

(a) Staf Akademik FEP

- i. Dikehendaki Bekerja Dari Rumah (BDR).
- ii. Sekiranya ingin hadir bertugas di Pejabat atau ada urusan untuk memberi bantuan ujikaji dan penyeliaan pelajar, tuan-puan **diwajibkan** membuat pengisytiharan status kesihatan terlebih dahulu melalui Borang Pengisytiharan Kesihatan (Health Declaration Form-HDF) sebelum kelulusan diberikan. Borang HDF disediakan dalam bentuk QR Code dan borang perlu dihantar ke Pejabat Dekan melalui dfep@ukm.edu.my. Status kelulusan akan dimaklumkan kepada pemohon setelah borang HDF dinilai.
- iii. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) dijalankan sepenuhnya secara dalam talian.
- iv. Semua aktiviti secara bersemuka seperti mesyuarat, perbincangan atau latihan tidak dibenarkan dan hendaklah dilaksanakan secara dalam talian sepenuhnya.
- v. Dokumen rahsia rasmi adalah tidak dibenarkan untuk dibawa keluar sepanjang tempoh ini melainkan mendapat kelulusan Dekan atas kepentingan perkhidmatan.
- vi. Bagi staf yang bekerja secara BDR hendaklah mematuhi Garis Panduan Bekerja Dari Rumah (BDR) Siri 5/2020 sebagai Langkah Pencegahan Penularan Virus COVID-19.
- vii. Bagi staf yang rentas negeri bagi tujuan hadir bertugas di pejabat, staf perlu dapatkan surat pengesahan hadir bertugas daripada pejabat Dekan.



PEJABAT DEKAN, FAKULTI EKONOMI DAN PENGURUSAN

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 5360 / 5365 Faks: +603-8925 1821 E-mel: dfep@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/fep

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities

www.ukm.my

FAKULTI EKONOMI DAN PENGURUSAN • FACULTY OF ECONOMICS AND MANAGEMENT

(b) Staf Pengurusan & Profesional (P&P) dan Pelaksana

- i. Dikehendaki bekerja di pejabat secara penggiliran. Jadual Penggiliran yang sedia ada akan diteruskan namun akan ada sedikit pindaan setelah mengambil kira tahap kesihatan staf.
- ii. Tuan-puan **diwajibkan** membuat pengisyntiharan status kesihatan melalui Borang Pengisyntiharan Kesihatan (Health Declaration Form-HDF) setiap hari bagi jadual penggiliran yang telah ditetapkan sebelum kelulusan kehadiran bertugas di pejabat diberikan. Borang HDF disediakan dalam bentuk QR Code dan borang perlu dihantar ke Pejabat Dekan melalui dfep@ukm.edu.my. Status kelulusan akan dimaklumkan kepada pemohon setelah borang HDF dinilai.
- iii. Semua aktiviti secara bersemuka seperti mesyuarat, perbincangan atau latihan **tidak dibenarkan** dan hendaklah dilaksanakan secara dalam talian sepenuhnya.
- iv. Dokumen rahsia rasmi adalah tidak dibenarkan untuk dibawa keluar sepanjang tempoh ini melainkan mendapat kelulusan Dekan atas kepentingan perkhidmatan.
- v. Bagi staf yang bekerja secara BDR hendaklah mematuhi Garis Panduan Bekerja Dari Rumah (BDR) Siri 5/2020 sebagai Langkah Pencegahan Penularan Virus COVID-19.
- vi. Bagi staf yang rentas negeri bagi tujuan hadir bertugas di pejabat, staf perlu dapatkan surat pengesahan hadir bertugas daripada pejabat Dekan.

(c) Pelajar FEP

- i. Pelajar tidak dibenarkan hadir ke fakulti dalam tempoh PKPB .
- ii. Tertakluk kepada perkara 3.6 , Pekeliling Naib Canselor Bil. 9/2020.

Semoga semua warga FEP dalam sihat, tabah menghadapi tempoh sukar ini dan kita semua dijauhkan dari segala bahaya akibat penularan wabak COVID-19.

Perhatian **SEGERA** YBhg. Prof./Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian. Salam hormat.

Yang benar,



PROF. DR. AINI AMAN
Dekan
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan

Lampiran: OR Code – Borang HDF



PEJABAT DEKAN, FAKULTI EKONOMI DAN PENGURUSAN

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 5360 / 5365 Faks: +603-8925 1821 E-mel: dfep@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/fep

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities

www.ukm.my



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

FAKULTI EKONOMI DAN PENGURUSAN • **FACULTY OF ECONOMICS AND MANAGEMENT**

LAMPIRAN

BORANG PENGISYIHKAN KESIHATAN (HEALTH DECLARATION FORM- HDF)



PEJABAT DEKAN, FAKULTI EKONOMI DAN PENGURUSAN

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 5360 / 5365 Faks: +603-8925 1821 E-mel: dfep@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/fep

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*

www.ukm.my